

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT : NURUL FIRDAUS KHAI - 019-6680920 / 019 6680275

Jana kerjaya ibu tunggal

BN komited bantu golongan itu untuk tingkat taraf hidup

NURUL FIRDAUS KHAI

KUALA LANGAT

Kerjaya ibu tunggal dalam bidang keusahawanan bakal ditingkatkan dengan mewarkan 'dompet' mereka sendiri demi meningkatkan taraf hidup golongan itu.

Ketua Wanita Umno Malaysia, Tan Sri Shahrizat Abdul Jall berbata, beliau percaya ramai pihak sudah bosan dengan janji-janji kosong Harapan dan melalui maklum balas jenteranya, mereka bersedia memberi semula mandat kepada BN.

Menurutnya, kawasan Kuala Langat berpotensi membawa pembangunan baharu dan yakini sekiranya pengundi memberi undi kepada BN, pelbagai inisiatif dan peluang untuk mereka nikmati bersama keluarga.



Rozana menunjukkan isyarat dua jari yang membawa maksud namanya di atas kertas calon undi nanti adalah nombor dua.

"Kajian maklumbalas yang kita periksa pun, apa yang diperlukan, kita boleh janji, dan rakyat boleh pegang."

"Buat masa ini keperluan di Kuala Langat kepada ibu tunggal termasuklah aspek pembangunan usahawan ditingkatkan," katanya.

Shahrizat berbata, kebanyakannya mereka mempunyai potensi untuk

meningkatkan produk mereka lebih-lebih lagi Kuala Langat mempunyai pelbagai produk usahawan namun mereka tidak membangunkan kerana di bawah Harapan.

"Perancangan wanita BN adalah kita nak tengok wanita di Malaysia mempunyai 'dompet' mereka sendiri."

"Nak ada dompet sendiri nega-

ra kena stabil pembangunan mesti ada gerak kerja bersepadan dipertukar," katanya yang mengaku ini adalah pecutan terakhir untuk meraih undi.

Beliau yang turut berjumput kira-kira 50 orang ibu tunggal yakin BN dapat memenangi hati rakyat dengan adanya pelbagai latar belakang calon.

Katanya, beliau memohon masyarakat supaya tidak mempercayai berita-bertia palsu yang boleh mengelirukan rakyat.

"Segala dohmanan fitnah itu perlul ditangkis dan wanita disarankan terus cerita kepada pengundi jangan percaya dengan berita tak betul, dan tipu pembangkang," katanya.

Beliau kermudiannya berjumpa dengan jentera wanita dalam Program Walkabout Ramah Mesra bersama jentera JR dan memperkenalkan calon.

Dalam ucapannya beliau berhasrat semua jentera wanita bekerja keras dalam memenangi hati pengundi selain memberi sokongan kepada BN.

Sementara itu, calon Dun Morib, Rozana Kamarulzaman berkata, beliau mengajak semua pengundi terutama wanita di Dun Morib terus bersama BN dalam menentu masa depan negara.

Katanya, beliau tidak mahu bergerak sendiri namun memerlukan semua pihak termasuk sokongan parti komponan dalam mengembalikan kerusi dun berkenaan.

BN jaga kebijakan masyarakat Orang Asli

KUALA LANGAT - Cerita palsu konominya masyarakat Orang Asli akan hilang tempat tinggal kerana pembangunan yang dibawa oleh kerajaan BN sama sekali tidak benar.

Calon BN Parlimen Kuala Langat, Shahril Hamdan berkata pembinaan projek mega di Parlimen berkenaan tidak akan menyebabkan masyarakat Orang Asli hilang tempat tinggal.

"Bagi saya ini adalah satu perkara yang sangat diajakkan terhadap perkara baik supaya jadi tidak baik atau cuba menakut-nakutkan orang."

"Walhal perkara sepatutnya terjadi di kawasan Kuala Langat di mana kalau ada pembangunan di kawasan orang asli, orang asli akan ditawarkan perumahan yang lebih baik daripada apa yang mereka ada sebelum itu," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau ditemui pada Majlis Ramah Mesra bersama Tok Batin sekitar Kuala Langat di Pulau Carey. Program turut disertai beberapa pemimpin setempat termasuk calon BN Dun Sijangkang, Datuk



AZIZ



IDRIS



Shahril bersama calon Dun Sijangkang, Sulaiman dan sebahagian tok batin dan pimpinan masyarakat orang merakam kenangan dalam Majlis Ramah Mesra yang diadakan di Pulau Carey, semalam.

Sulaiman Mohd Kartli dan Mantan Adun Sijangkang, Datuk Abdul Fatah Iskandar.

Menurut Shahril, kebijakan keluarga Orang Asli di kawasan berkenaan diberi perhatian sewajarnya.

"BN lebih berminat untuk menawarkan perkhidmatannya kepada rakyat berbanding memburuk-burukkan lawan ketika berkempen," katanya.

Katanya, jika masyarakat Orang Asli bukan penyokong BN sekali pun, kerajaan masih memberi perhatian sewajarnya.

"Apakah pembangkang hasutkan kepada masyarakat Orang Asli amatlah tidak bertanggungjawab ditambah dengan mereka yang suka menghentam, mencaci pihak

lawan."

"Ini juga nampaknya sedang berlaku dalam sehari dua, terdapat ceramah besar, serangan serangan peribadi dibuat kepada pemimpin BN walaupun dalam kami duk berkenan empat lima hari ini calon-calon kami tidak pun fokus kepada Harapan tetapi kami menghormati mereka sebagai lawan dan kami lebih minat membentahu tawaran dalam manifesto kami," katanya yang turut menawarkan 10 manifesto kepada rakyat di Kuala



Langat.

Antara tarawar BN termasuklah menjana ekonomi masyarakat, menyediakan institusi TVET, menambah rumah mampu milik, me-

mastikan kesejahteraan keluarga dan masyarakat, meningkatkan perkhidmatan dan menaiktaraf hospital dan Perpustakaan Banting.

"Saya tak minatlah nak hentam-hentam pihak lawan, tapi terpuanglah kalau itu taktik mereka, biarkanlah," katanya.

Bagi Tok Batin Kepau Laut, Idris lamen, berbata, dia yakin masyarakat Orang Asli lebih berfikiran terbuka menerima siapa sahaja calon wakil rakyat BN yang diamanahkan.